



KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 2 / 2021

“**ALERT**”: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Melaka terus merencanakan program seni budaya secara dalam talian dengan menganjurkan Pertandingan Bintang Asli *Online* yang disesuaikan dengan situasi semasa Pendemik COVID-19 dan mematuhi sepenuhnya SOP seperti mana arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

PERTANDINGAN BINTANG ASLI *ONLINE* 2021

MELAKA, 4 OGOS 2021 – Pertandingan Bintang Asli *Online* ini merupakan program pencarian bakat dan sebagai platform bagi bakat-bakat muda untuk mengembangkan minat mereka dalam seni suara bintang asli.

Bintang Asli Kebangsaan mula dianjurkan dari 1996 hingga 2001, kemudian ia berhenti seketika dan dijalankan kembali dari 2006 hingga 2014. Dan pada tahun ini, pertandingan ini dicetuskan semula dengan anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Melaka.

Menurut Pengarah JKKN Melaka, Cik Ezlina Binti Alias, Pertandingan Akhir Bintang Asli Online ini akan diadakan sempena Festival Kota Selatan@Online yang dijadualkan pada 8 dan 9 Oktober 2021. Bintang Asli *Online* adalah salah satu inisiatif JKKN dalam memartabatkan dan mempopularkan seni suara tradisional supaya tidak luput dek zaman dan disesuaikan mengikut situasi norma baharu sekarang.

"Dahulu dendangan lagu asli pernah popular di pentas bangsawan dan majlis perkahwinan sehinggakan JKKN dan Radio Televisyen Malaysia kerap berganding bahu menjayakan acara ini bersama sejak era 90an dan jua pada sekitar awal tahun 2000 hingga 2014. Namun akibat situasi pandemik sekarang kita mempopularkannya menjadi satu bentuk pertandingan pencarian bakat muda lagu-lagu melayu asli secara hibrid (online) bersesuaian dengan norma baharu pada hari ini", katanya.

Bintang Asli Kebangsaan mula dianjurkan dari 1996 hingga 2001, kemudian ia berhenti seketika dan dijalankan kembali dari 2006 hingga 2009 dan 2014. Pertandingan ini dicetuskan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta Radio Televisyen Malaysia (RTM). Ramai artis dalam industri

muzik memulakan landasan awal dengan menyertai Pertandingan Bintang Asli Remaja Kebangsaan ini. Antaranya Asmidar (Johan Bintang Asli Remaja 2006), Hazra 3 Juara (Johan Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2008), Azizul Haqim 3 Juara (Johan Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007), Syura, Fairuz Selamat, Siti Nordiana, Dayang Nurfaizah, Dato' Sri Siti Nurhaliza, Farawaheeda dan ramai lagi (sekadar menyebut beberapa nama).

Pertandingan ini akan diadakan secara (2) kategori iaitu kategori lelaki dan kategori wanita dalam usia antara 15 hingga 35 tahun sahaja dan penyertaan adalah percuma. Konsep pertandingan akan melalui peringkat saringan dan peringkat akhir. Bagi peringkat saringan, para peserta diminta untuk menghantar (1) rakaman video nyanyian. Seramai (6) peserta akan dipilih ke peringkat akhir yang diadakan pada 11 dan 12 September 2021. Pemilihan lagu akan dibuat secara undian bagi menentukan **satu lagu wajib dan satu lagi pilihan wajib bagi Kategori Lelaki dan Kategori Wanita**. Pengumuman para pemenang akan dibuat pada **09 Oktober 2021 (Sabtu) di laman web siaran JKKN TV**.

Johan Bintang Asli *Online* akan menerima RM1,500.00, Naib Johan (RM1,000.00) dan Tempat Ketiga (RM800.00) juga (3) Hadiah Saguhati (RM300.00). Semua kategori akan menerima Piala Iringan dan Sijil manakala saguhati akan menerima sijil.

Tarikh akhir penghantaran video nyanyian adalah pada 22 Ogos 2021 (Ahad).
Ayuh Semua, Sahutlah Cabaran Kami!

Bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai pertandingan ini, orang ramai boleh mendapatkannya di laman **facebook JKKN Melaka Official** atau Urus Setia, Norlelah 60187660955.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka
Tel : 06-233 1787

MAKLUMAT PERHUBUNGAN RASMI SEKRETARIAT

Email : norlelah@jkkn.gov.my

Whatsapp : +60187660955 @ <http://wa.me/+60187660955>

FB Page : <https://www.facebook.com/JKKNmelakafanpage>